

**S**eksyen ini menunjukkan beberapa petunjuk sosio-ekonomi terhadap kualiti hidup penduduk Malaysia dalam tempoh beberapa Rancangan Lima Tahun Malaysia. Maklumat tersebut membolehkan kita menilai perubahan pembangunan sosio-ekonomi yang berlaku dalam tempoh tersebut.


Petunjuk-petunjuk yang dipaparkan dalam bentuk grafik ini meliputi berbagai bidang seperti pembasmian kemiskinan, pelajaran, kesihatan, perumahan dan utiliti, penyertaan wanita dalam guna tenaga, peruntukan perbelanjaan pembangunan dan kemudahan yang dinikmati oleh pekerja-pekerja Malaysia.

Ulasan ringkas bagi setiap carta disediakan supaya perbandingan dapat dibuat berasaskan data siri masa.

## Pembasmian Kemiskinan

Carta 10.1


Peratus Isirumah Miskin dan Termiskin dan Purata Pendapatan Bulanan



Sumber : Banci Pertanian 1976 dan Penyiagaan Pendapatan Isirumah, Jabatan Perangkaan

Carta 10.2

Bilangan Isirumah Miskin dan Termiskin



Kemiskinan telah berjaya dikurangkan dengan ketaranya di Malaysia melalui pelaksanaan program-program dan projek-projek pembasmian kemiskinan. Kemiskinan mutlak dalam bentuk kelaparan, kebuluran atau ketiadaan tempat tinggal tidak wujud tetapi kemiskinan relatif bagi golongan isirumah yang berpendapatan 40% terendah masih menjadi isu.

Kadar kemiskinan di Malaysia telah berkurangan dengan ketaranya dari 42.4% pada tahun 1976 kepada 13.5% pada tahun 1993. Sejalan dengan ini, kadar kemiskinan bagi golongan termiskin juga berkurangan dari 19.6% pada tahun 1976 kepada 3% pada tahun 1993.

Mencerminkan kemajuan yang dicapai dalam membasmi kemiskinan, purata pendapatan bulanan isirumah bagi Malaysia berdasarkan harga semasa pada keseluruhannya telah bertambah baik iaitu dari RM505 sebulan pada tahun 1976 kepada RM1,563 sebulan pada tahun 1993.

Dalam menentukan kadar isirumah miskin dan mengukur tahap kemiskinan, pendekatan yang digunakan ialah dengan menggunakan garis pendapatan kemiskinan. Garis pendapatan kemiskinan mengambil kira tiga komponen utama iaitu makanan, pakaian dan kasut, dan lain-lain komponen bukan makanan seperti sewa, minyak dan tenaga, pengangkutan dan komunikasi, kesihatan, pendidikan dan rekreasi. Dalam tahun 1993, garis pendapatan kemiskinan yang ditetapkan ialah RM405 sebulan bagi saiz isirumah 4.8 di Semenanjung Malaysia, RM582 sebulan bagi saiz isirumah 5.1 di Sabah dan RM495 sebulan bagi saiz isirumah 5.1 di Sarawak. Untuk mendapatkan kadar bagi golongan termiskin, separuh daripada garis pendapatan kemiskinan telah digunakan.

Bilangan isirumah miskin di Malaysia telah dapat dikurangkan dengan banyaknya iaitu dari 975,800 isirumah miskin pada tahun 1976 kepada 116,400 isirumah miskin pada tahun 1993. Begitu juga dengan bilangan isirumah termiskin yang telah dikurangkan dari 451,300 isirumah termiskin pada tahun 1976 kepada 280,000 isirumah termiskin pada tahun 1993. Golongan miskin dan termiskin ini dijangka dapat dikurangkan lagi di masa hadapan dengan berterusannya pelaksanaan Program Pembangunan untuk yang Termiskin. Peruntukan Kerajaan untuk program golongan termiskin bagi tahun 1993 ialah sebanyak RM280 juta.




## Pendidikan

Carta 10.3

Nisbah Murid - Guru

(Bilangan murid bagi setiap guru)




Sumber: Kementerian Pendidikan

Nisbah murid-guru bagi sekolah-sekolah rendah bantuan kerajaan telah bertambah baik iaitu daripada 31.8 murid bagi setiap guru pada tahun 1975 kepada 20.2 murid bagi setiap guru pada tahun 1993. Arah aliran yang sama juga berlaku bagi sekolah-sekolah menengah bantuan Kerajaan di mana nisbah murid-guru juga meningkat iaitu daripada 27.3 murid bagi setiap guru pada tahun 1975 kepada 17.8 murid bagi setiap guru pada tahun 1993.

Carta 10.4

Bilangan Kemasukan Pelajar ke Institusi Awam Tempatan - Sijil, Diploma dan Pendidikan Ijazah




Terdapat pertambahan besar bilangan penuntut yang mendaftar di pusat pengajian tinggi bagi peringkat sijil, diploma dan ijazah pertama dalam jangka masa Rancangan-rancangan Lima Tahun Malaysia. Pada tahun 1975, enrolmen pelajar bagi ijazah pertama ialah seramai 15,000 pelajar manakala pada tahun 1993, angka ini telah meningkat kepada 75,000 pelajar, iaitu pertambahan sebanyak lima kali ganda, berikutan bertambahnya universiti-universiti baru, kemudahan baru dan pembesaran kemudahan yang sedia ada, yang membolehkan pertambahan besar kemasukan pelajar ke institusi pendidikan pengajian tinggi. Peningkatan telah juga berlaku bagi kemasukan pelajar ke kursus-kursus sijil dan diploma dipusat-pusat pengajian tinggi.

Enrolmen untuk diploma meningkat tiga kali ganda iaitu dari 11,800 pelajar pada tahun 1975 kepada 36,200 pelajar pada tahun 1993, manakala enrolmen untuk sijil meningkat sebanyak 13 kali ganda iaitu dari 1,200 pelajar pada tahun 1975 kepada 15,900 pelajar pada tahun 1993.

## Kesihatan

Carta 10.5


Kadar Mortaliti Bayi dan Ibu Bersalin



Sumber: Jabatan Perangkaan

Carta 10.6

Bilangan Doktor Perubatan Berdaftar dan Penduduk bagi setiap Doktor



Sumber: Kementerian Kesihatan

Kadar kematian bayi bagi setiap seribu kelahiran hidup (bskh) di Semenanjung Malaysia telah berkurangan dalam jangka masa Rancangan Lima Tahun Malaysia. Kadar kematian bayi pada tahun 1975 ialah 32.1 bskh dan telah menurun kepada 11.9 bskh pada tahun 1993. Kadar kematian ibu bersalin yang merujuk kepada bilangan kematian dari komplikasi semasa atau berikutan bersalin juga telah menurun daripada 0.8 bagi setiap seribu kelahiran hidup pada tahun 1975 kepada 0.2 bagi setiap seribu kelahiran hidup pada tahun 1992.


Bilangan doktor perubatan berdaftar telah meningkat daripada 2,800 doktor pada tahun 1975 kepada 8,300 doktor pada tahun 1993. Hasil dari peningkatan ini, nisbah penduduk-doktor juga menurun. Pada tahun 1975, nisbah penduduk-doktor ialah 4,480 penduduk bagi setiap doktor dan telah meningkat kepada 2,300 penduduk bagi setiap doktor pada tahun 1993.



## Kesihatan

Carta 10.7


Jangka Hayat Lelaki dan Perempuan  
(Semenanjung Malaysia)



Sumber : Jabatan Perangkaan

Carta 10.8

Liputan Imunisasi BCG, Polio dan  
Difteria, Pertusis dan Tetanus



\* Dos terakhir

Sumber : Kementerian Kesihatan

Jangka hayat penduduk di Semenanjung Malaysia telah meningkat dalam tempoh Rancangan-rancangan Lima Tahun Malaysia. Jangka hayat untuk lelaki meningkat daripada 64.3 tahun pada tahun 1975 kepada 69.1 pada tahun 1993. Arah aliran yang sama juga berlaku untuk jangka hayat bagi perempuan iaitu daripada 68.7 tahun pada tahun 1975 meningkat kepada 73.8 tahun pada tahun 1993. Jangka hayat yang lebih lama yang dinikmati oleh kedua-dua jantina ini adalah disebabkan kemudahan kesihatan yang lebih baik.

Malaysia menyediakan imunisasi percuma untuk pencegahan penyakit berjangkit seperti batuk kering, polio, difteria, pertusis dan tetanus. Carta di atas menunjukkan rekod bayi yang menerima suntikan dos terakhir bagi penyakit polio, difteria, pertusis dan tetanus serta suntikan BCG.


Liputan bayi bagi suntikan imunisasi BCG telah meningkat. Pada tahun 1987, liputan BCG bagi bayi ialah sebanyak 98.7% dan telah meningkat kepada 99% pada tahun 1992. Liputan suntikan terakhir bagi bayi untuk polio dan difteria, pertusis dan tetanus juga menunjukkan peningkatan yang sama. Pada tahun 1987, 67.6% telah diliputi untuk suntikan polio dan meningkat kepada 92.1% pada tahun 1992. Begitu juga untuk imunisasi bagi penyakit difteria, pertusis dan tetanus di mana pada tahun 1987, 68.6% bayi telah diberi suntikan, dan meningkat kepada 91.9% pada tahun 1992.



## Perumahan dan Kemudahan Asas

Carta 10.9

Unit Perumahan Siap Dibina oleh Agensi Kerajaan dan Pemaju Swasta mengikut Kategori Kos




Sumber: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Objektif utama polisi perumahan ialah untuk menyediakan bagi penduduk Malaysia dari semua kumpulan pendapatan terutama yang berpendapatan rendah, keupayaan bagi mereka memiliki tempat tinggal yang mencukupi dan mampu diperolehi. Untuk mencapai hasrat ini, pembinaan rumah-rumah telah terus bertambah, terutama perumahan kos rendah dan sederhana, untuk memenuhi keperluan penduduk. Perumahan kos rendah berharga tidak melebihi RM25,000 sebuah, dimajukan oleh Kerajaan melalui dana awam dan juga oleh pihak swasta. Pada tahun 1993, sebanyak 75,835 unit kos rendah telah dibina berbanding 20,857 unit pada tahun 1985. Arah aliran yang sama juga telah dicatat pada perumahan kos sederhana dan tinggi.

Sebanyak 63,514 unit kos sederhana telah dibina pada tahun 1993 berbanding 19,307 unit pada tahun 1985, iaitu pertambahan sebanyak 229%. Bagi perumahan kos tinggi, sebanyak 30,048 unit dibina pada tahun 1993 berbanding dengan 6,674 unit pada tahun 1985, iaitu peningkatan sebanyak 350.2%. Pada tahun 1985, jumlah keseluruhan unit yang dibina oleh Kerajaan ialah sebanyak 23,632 unit berbanding dengan 23,630 unit iaitu hampir sama dengan bilangan yang telah dibina pada tahun 1993. Jumlah keseluruhan unit yang dibina oleh pemaju swasta pula ialah 98,074 unit pada tahun 1993 berbanding dengan 23,206 unit pada tahun 1985, iaitu peningkatan sebanyak 322.6%. Ini mencerminkan penglibatan pemaju swasta yang lebih besar dalam program perumahan dan juga peningkatan permintaan perumahan pada tahun 1993 berbanding dengan tahun 1985 yang merupakan tahun kemelesetan.

Carta 10.10

Liputan Bekalan Air dan Elektrik



Sumber: Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri

Air dan elektrik adalah dua asas utiliti awam yang utama. Adalah menjadi objektif Kerajaan untuk membekalkan air yang selamat digunakan kepada seluruh penduduk di Malaysia. Dari segi liputan, di kawasan bandar pada tahun 1980, 89% jumlah penduduk bandar telah dibekalkan dengan air meningkat kepada 96% pada tahun 1993. Arah aliran yang sama juga dicatat bagi kawasan luar bandar, di mana pada tahun 1980, 42.9% penduduk di luar bandar telah dibekal dengan air dan kadar ini telah meningkat kepada 74% pada tahun 1993.


Liputan bekalan elektrik untuk keseluruhan penduduk di bandar dan di luar bandar telah meningkat dengan pesatnya terutamanya di kawasan luar bandar sejak tahun 1980. Pada tahun 1980, liputan bekalan elektrik di bandar ialah 94% dan telah meningkat kepada 99% pada tahun 1993. Bagi kawasan luar bandar, kadar liputan bekalan elektrik dalam tahun 1993 ialah 89.6% iaitu peningkatan sebanyak 29.6% daripada kadar 60% pada tahun 1980.



## Penyertaan Wanita

Carta 10.11

Kadar Penyertaan Tenaga Buruh Wanita dan Guna Tenaga mengikut Industri



Sumber: Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri

Kadar penyertaan wanita dalam tenaga buruh telah meningkat daripada 42.2% pada tahun 1980 kepada 46.1% pada tahun 1993. Walau bagaimanapun, kadar penyertaan ini masih lagi rendah berbanding dengan kadar penyertaan lelaki, di mana pada tahun 1980 kadar penyertaan lelaki dalam tenaga buruh ialah 84.8% pada tahun 1980 dan 87% pada tahun 1993.


Penyertaan wanita mengikut sektor guna tenaga telah menunjukkan perubahan struktur. Penyertaan wanita telah meningkat di sektor perkilangan pada tahun 1993 iaitu sebanyak 30.8% berbanding dengan 16.3% pada tahun 1980. Arah aliran yang sama juga dicatat bagi guna tenaga untuk sektor perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran di mana penyertaan wanita meningkat daripada 11.2% pada tahun 1980 kepada 19.9% pada tahun 1993. Selari dengan bertambahnya bilangan wanita yang bekerja di sektor pembuatan, perdagangan dan perkhidmatan, penyertaan wanita bekerja di sektor pertanian telah menurun daripada 49.3% pada tahun 1980 kepada 19.2% pada tahun 1993.



## Perbelanjaan Pembangunan untuk Perkhidmatan Sosial dan Liputan Kemudahan Pekerja

Carta 10.12


Perbelanjaan Pembangunan untuk Kesihatan, Pendidikan dan Perumahan



Sumber : Kementerian Kewangan

Carta 10.13

Liputan Faedah Pekerja



Sumber : Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)  
Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)

Perbelanjaan pembangunan bagi sektor perkhidmatan sosial, yang mana kesihatan dan pelajaran adalah komponen utama, merupakan 24.2% daripada jumlah perbelanjaan pembangunan pada tahun 1993. Pelajaran yang mengambil sebahagian besar perbelanjaan, meningkat daripada RM212 juta pada tahun 1975 kepada RM1,177 juta pada tahun 1993, disebabkan pembinaan universiti baru di Sarawak, kampus baru Universiti Islam Antarabangsa (UIA) di Gombak, kajian kemungkinan bagi fakulti perubatan UIA di Kuantan serta peningkatan kemudahan pelajaran dan program sokongan seperti asrama, kuarter untuk guru, bantuan pendidikan khas dan kemudahan sukan. Untuk meningkatkan tahap kesihatan dan kesejahteraan hidup, perbelanjaan bagi kesihatan telah meningkat dari RM57 juta pada tahun 1975 kepada RM425 juta pada tahun 1993. Sebahagian daripada tambahan perbelanjaan ini ialah untuk membina hospital-hospital baru termasuk hospital nukleus, asrama kakitangan, pusat kesihatan, klinik desa dan juga meningkatkan kemudahan kesihatan di hospital-hospital yang sedia ada.

Kumpulan Wang Simpanan, pencen dan insurans adalah skim-skim kewangan yang ditubuh untuk memberi pencarum-pencarum dan tanggungannya perlindungan sosial dalam bentuk faedah-faedah persaraan, perubatan, kematian atau kemudahan dari kehilangan keupayaan. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), yang telah ditubuhkan pada tahun 1951 adalah institusi keselamatan sosial yang ulung di negara ini. Dengan bertambahnya tenaga buruh dan meningkatnya liputan, bilangan pencarum dalam KWSP telah bertambah daripada 2.9 juta pencarum pada tahun 1975 kepada 6.9 juta pencarum pada tahun 1993. Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) telah ditubuhkan pada tahun 1971 untuk memberikan kemudahan keselamatan sosial kepada pekerja berpendapatan rendah dalam sektor awam dan industri. Dengan pertambahan tenaga buruh dan liputan yang lebih meluas oleh pertubuhan ini, jumlah bilangan pencarum yang mendaftar dengan Pertubuhan Keselamatan Sosial telah meningkat daripada 645,933 pencarum pada tahun 1975 kepada 6,285,194 pencarum pada tahun 1993.